

Kampus bandar UiTM, KUTKM beroperasi tahun depan

Archival News | Utusan Malaysia | 22/05/2006

MELAKA 21 Mei- Kampus bandar dua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negeri ini iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan beroperasi selewat-lewatnya Januari tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran dan Pengajian Tinggi negeri, Datuk Yaakub Md. Amin berkata, perkara tersebut kini dalam peringkat akhir dan hanya menunggu hasil rundingan mengenai harga sewaan bangunan.

"Apabila kampus itu siap kelak, dijangka seramai 3,000 pelajar daripada kedua-dua IPTA tersebut akan ditempatkan di bangunan Graha Maju, Wisma Negeri dan Yayasan Melaka," kata beliau ketika dihubungi di sini hari ini.

Katanya lagi, kapasiti tersebut boleh ditingkatkan hingga 10,000 orang jika kedua-dua IPTA tersebut bercadang untuk menambah bilangan pelajar masing-masing.

Beliau memberitahu, KUTKM akan beroperasi di bangunan Wisma Negeri manakala UiTM pula akan ditempatkan di Graha Maju dan Yayasan Melaka.

"Kedua-dua IPTA tidak mempunyai sebarang masalah dengan cadangan penubuhan kampus bandar ini, malah mereka gembira kerana kini kampus mereka terletak di lokasi yang strategik sekali gus memudahkan sebarang urusan," jelas beliau.

(Source : Utusan Malaysia)